

**TEKS UCAPAN
YANG HORMAT PROFESOR DATO' DR DAING NASIR IBRAHIM
NAIB CANSOLOR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN PENUTUP DAN MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH
CREATION, INNOVATION, TECHNOLOGY & RESEARCH EXPOSITION 2017
PADA HARI KHAMIS, 16 MAC 2017, PUKUL 2:30 PETANG
DI DEWAN KOMPLEKS SUKAN UNIVERSITI, UMP KAMPUS GAMBANG**

SALUTASI

Saudara pengacara majlis;

Rakan-rakan saya dari UMP:

Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus,
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa),

Yang Hormat Profesor Dato' Dr Yuserrie Zainuddin,
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni);

Profesor Dr. Mashitah Mohd Yusoff,
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi),
merangkap Pengerusi CITREX 2017;

Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Ishak Ismail.

Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat & Kualiti);

Profesor Dr. Jamil Ismail

Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat);

Encik Abd Hamid Majid,

Pendaftar;

Encik Zainuddin Othman,

Bendahari;

Haji Ruslan Che Pee,

Ketua Pustakawan;

Dekan-dekan, Pengarah-pengarah

dan Ketua-ketua Pusat Tanggungjawab;

Tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

KATA PEMBUKA

1. *Alhamdulillah*, sukaulah saya merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Ta'ala, kerana dengan limpah rahmat, kurnia dan izin-Nya, maka saya dapat hadir untuk menyempurnakan penutupan program *Creation, Innovation, Technology & Research Exposition* (CITREX) 2017 pada petang ini.
2. Lima tahun yang lalu, tatkala CITREX mula diperkenalkan sebagai sebuah pertandingan dan pameran penyelidikan di peringkat UMP pada tahun 2013, kita bermula dengan skala yang sederhana.
3. Walaupun serba sederhana ketika itu, namun objektif penganjurannya adalah jelas, iaitu menggalakkan pembudayaan penyelidikan dan inovasi dalam kalangan warga Universiti, khususnya para mahasiswa di peringkat prasiswazah dan pascasiswazah.

4. Dalam tempoh lima tahun juga, CITREX telah berevolusi sebagai sebuah pertandingan dan pameran penyelidikan yang tidak hanya bersifat dalaman, tetapi telah turut berupaya menarik minat pihak luar untuk bekerjasama dalam pengelolaannya, khususnya dalam konteks sumbangan dan tajaan.
5. Pada hari ini, kita menyaksikan edisi kelimanya dan saya amat sukacita kerana CITREX kini telah berjaya diangkat sebagai sebuah acara tahunan yang memiliki tanda mutunya yang tersendiri. Sambutan yang menggalakkan dari kalangan staf akademik dan mahasiswa terhadap CITREX 2017 membolehkannya merekodkan sejumlah 298 penyertaan yang melibatkan 176 staf akademik dan 122 mahasiswa.
6. Sebagai sebuah medan pembudayaan aktiviti penyelidikan dan inovasi di peringkat umbi di Universiti ini, penganjuran CITREX sewajarnya diberikan perhatian yang serius oleh Fakulti-fakulti, Pusat-pusat Kecemerlangan terutamanya dalam mencungkil bakat-bakat baharu dari kalangan staf dan mahasiswa yang mampu menghasilkan penyelidikan dan inovasi yang berkualiti dan berimpak tinggi.

INOVASI DAN MEMASYARAKATKAN TEKNOLOGI

7. Tuan-tuan dan puan-puan,

Penganjuran CITREX sebagai sebuah acara tahunan sewajarnya juga dinilai dari aspek sumbangannya kepada keunggulan penyelidikan dan inovasi sebagaimana yang diaspirasikan melalui pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2016-2020.

8. Suka saya sebutkan di sini bahawa masanya telah tiba bagi para penyelidik kita untuk mula menghalakan sasaran penyelidikan dan inovasi mereka kepada impak yang memberi pulangan manfaat kepada komuniti yang memerlukan. Kita sedia maklum bahawa Pelan Strategik UMP 2016-2020 didukung oleh *tagline* “Memasyarakatkan Teknologi” dan pendekatan pelaksanaannya telah pun dikupas dalam Amanat Tahunan 2017 saya baru-baru ini.

9. Sehubungan dengan itu, CITREX perlu mendukung agenda memasyarakatkan teknologi ini dalam kriteria saringan penyertaannya supaya produk atau inovasi penyelidikan yang cuba ditampilkan melalui pertandingan dan pameran ini mempunyai keseimbangan dari sudut potensi pengkomersialan, manfaat kepada masyarakat dan penjanaaan pengetahuan atau teknologi baharu.

10. Hanya dengan cara itu pada hemat saya, maka CITREX dapat berperanan sebagai wadah asas bagi kita menentukan potensi aktiviti penyelidikan dan inovasi di peringkat akar umbi dalam konteks penjarannya dalam kerangka strategik yang terarah bagi menjayakan agenda memasyarakatkan teknologi.

11. Maka itulah saya berharap agar fakulti-fakulti dan pusat-pusat kecemerlangan dapat menggiatkan lagi usaha bagi mengenalpasti penyelidik-penyelidik yang berbakat untuk digilap sebagai agen transformasi komuniti melalui inovasi yang dihasilkan sama ada dalam bentuk *hard technology* atau *soft technology*.

12. Sekiranya hal ini dapat diaturgerak dengan sistematik dan terarah oleh fakulti-fakulti dan pusat-pusat kecemerlangan, saya percaya bahawa satu ekosistem bakat yang lestari dapat wujudkan untuk para penyelidik muda yang akan memainkan peranan besar dalam mengembangkan agenda memasyarakatkan teknologi berdasarkan model *Quadruple Helix* yang menyaksikan pertalian sinergi antara akademik, kerajaan, industri dan komuniti.

13. Penganjuran CITREX itu sendiri merupakan satu medium di mana potensi sesuatu hasil penyelidikan atau inovasi dapat dinilai impak komersial dan impak sosialnya sekiranya kita dapat melibatkan lebih ramai pemegang taruh yang berkaitan dalam pengelolaan dan pelaksanaan acara tahunan ini.

14. Oleh yang demikian, sekiranya CITREX dapat dilihat dari aspek komitmen sosialnya, maka acara ini perlu turut diberikan satu acuan khusus yang realistik dan praktikal bagi memastikan mesej utamanya dapat dikomunikasikan dengan berkesan secara formal atau informal kepada massa.

15. Justeru, saya melihat bahawa penganjuran CITREX adalah antara inisiatif kita untuk memasyarakatkan Universiti ini melalui saluran yang formal yang dikombinasikan dengan kaedah penyebaran maklumat dan pengetahuan secara informal.
16. Pendekatan ini pada hakikatnya amat munasabah dan praktikal kerana penyebaran ilmu kadangkala adalah lebih berkesan dibuat dengan cara yang santai, umpamanya dalam bentuk pameran, lawatan, pertandingan atau karnival.
17. Maka, dalam konteks promosi dan penjenamaan, *Creation, Innovation, Technology & Research Exposition (CITREX) 2017* ini membolehkan UMP dikenali dengan lebih dekat, kewujudannya sebagai sebuah institusi yang inklusif dapat dilihat, dirasakan dan didengari.

PENGHARGAAN DAN LAFAZ PERASMIAN PENUTUP

18. Tuan-tuan dan puan-puan,

Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jabatan Penyelidikan & Inovasi selaku Jawatankuasa Pelaksana CITREX 2017, pelbagai Pusat Tanggungjawab, warga kerja dan mahasiswa dari pelbagai peringkat, pempamer, penyelidik dan peserta atas khidmat serta komitmen yang telah diberikan bagi menjayakan acara tahunan ini.

19. Mudah-mudahan dengan komitmen dan sokongan tersebut, UMP akan terus melonjak maju ke hadapan sebagai sebuah universiti teknologi terunggul yang disegani sebagaimana yang dihasratkan dalam Pelan Strategik UMP 2016-2020.

20. Saya juga ingin mengambil peluang ini untuk merakamkan ucapan syabas kepada semua peserta atas komitmen tinggi anda untuk mengambil bahagian dalam CITREX 2017 dan kepada mereka yang akan diumumkan sebagai pemenang sebentar lagi, tahniah diucapkan kepada anda.

21. Akhirnya saya berdoa ke hadrat Allah Ta'ala mudah-mudahan klita semua terus dilimpahi rahmat peliharaan-Nya dengan naungan kesejahteraan, keselamatan, kejayaan dan kecemerlangan yang berterusan, *Amin*.
22. Dengan harapan dan doa tersebut, serta dengan lafaz mulia *Bismillahirrahmanirrahim*, saya dengan sukacitanya merasmikan penutupan *Creation, Innovation, Technology & Research Exposition (CITREX) 2017*.

Sekian, *wabillahi taufiq walhidayah*,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.